

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN**  
**DEWAN NEGARA MESYUARAT KETHREE, PENGGAL KETIGA**  
**PARLIMEN KESEPULUH**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 6 Disember 2001**

**SOALAN**

YB Dato' Haji Ahmad Bin Ismail minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA DAN KELUARGA menyatakan apakah Kementerian bercadang mengkaji semula program dan dasar mengenai keluarga yang sedia ada seperti kaunseling perkahwinan dan keibubapaan bagi memastikan kaedah dan teknik yang diamalkan sesuai dengan keadaan semasa dan mengikut keperluan sesebuah keluarga.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga berusaha secara berterusan bagi memantapkan institusi keluarga supaya dapat menjadi asas utama pembangunan masyarakat dalam konteks cita-cita menjadikan Malaysia sebuah negara maju. Melalui LPPKN, Kementerian melaksanakan kursus kemahiran keibubapaan dan kekeluargaan di peringkat akar umbi. Kursus kemahiran ini dijalankan dengan menggunakan pakej latihan modul KASIH dan modul lain LPKKN. KASIH adalah pakej lengkap yang dibentuk berdasarkan kitaran hidup berkeluarga, terdiri daripada Modul Persediaan Perkahwinan dan Pemantapan Keluarga (Bahtera Kasih), Modul Kebapaan (Pancaran Kasih), Keibubapaan Anak Kecil (Belaian Kasih), Keibubapaan Anak Remaja (Mutiara Kasih) dan Pembangunan Remaja (Permata Kasih). Selain daripada itu , kursus berkaitan kesihatan reproduktif turut dijalankan untuk membangkitkan kesedaran mengenai bidang ini di kalangan masyarakat. LPPKN turut melaksanakan program latihan untuk jurulatih (training of trainers). Program ini bertujuan melatih pegawai dari agensi lain, termasuk pertubuhan sukarela. Sehingga ini seramai 1,298 orang telah dilatih dalam menggunakan pakej modul KASIH untuk kumpulan sasar masing-masing. LPPKN juga mengambil langkah proaktif dengan membina 29 Kompleks KASIH Keluarga di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. Kompleks ini akan menjadi "one stop family center" yang menyediakan perkhidmatan kepada setiap ahli keluarga, termasuk perkhidmatan kaunseling dan runding cara kekeluargaan, kesihatan reproduktif, latihan kemahiran keibubapaan, pusat jagaan kanak-kanak serta maklumat mengenai kekeluargaan. LPPKN akan mengkaji dan meningkatkan keberkesanan modul-modul latihan yang ada dari semasa ke semasa untuk memastikan kaedah dan teknik yang diamalkan sesuai dengan keadaan dan isu keluarga masa kini. Mengenai dasar keluarga, cadangan mewujudkan perkara ini akan dikaji oleh Kementerian. Ini adalah salah satu projek yang telah dikenal pasti untuk dilaksanakan dalam tahun 2002.

